

24/01/1997

Fazlin Azimi muncul pelajar terbaik di London

Dino SS

BUKAN mudah untuk muncul sebagai pelajar cemerlang di kalangan ratusan pelajar antarabangsa di sebuah sekolah terpilih lebih-lebih lagi di luar negara.

Tetapi itu yang dibuktikan Fazlin Azimi Abu Hassan, murid tahun enam di Sekolah Hendon Preparatory, London.

Atas kecemerlangan itu, Fazlin Azimi dilantik sebagai ketua murid sekolah, dan pernah memenangi anugerah pelajar terbaik keseluruhan tiga tahun berturut-turut.

Bagi Fazlin Azimi, menjadi ketua murid di sebuah sekolah yang mempunyai kira-kira 300 pelajar antarabangsa bukanlah secara kebetulan.

Dia mesti membuktikan benar-benar mempunyai kebolehan dan mengatasi murid lain. Dia juga perlu mendapat sokongan guru.

Namun berkat semangat, cita-cita dan disiplin yang ditanam oleh bapanya yang berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom (UK), serta mahu mencontohi kewibawaan pemimpin ulung Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dia berjaya membuktikan kemampuan yang menyerlah.

Fazlin Azimi terpilih kerana kepintarannya dalam akademik dan kegiatan luar, kepetahan berbicara di samping berbakat dalam memimpin.

Pencapaian akademik Fazlin Azimi sentiasa mendapat perhatian dan mengagumkan guru sekolah berkenaan.

Sejak memasuki Sekolah Hendon Preparatory, kira-kira 10 kilometer dari kota London, tahap pencapaiannya tidak pernah di bawah tahap kepujian, sebaliknya markah yang diperolehi 100 peratus.

Ini menjadikan Fazlin Azimi sering menjadi contoh dan dikenali oleh semua guru, kakitangan sekolah dan hampir semua murid sekolah itu.

Selain pelajar Malaysia, sekolah itu juga mempunyai pelajar Jepun, Greek, Indonesia, Belanda, Jerman, Amerika Syarikat dan kira-kira 250 pelajar Britain sendiri.

Apabila ditanya mengenai apa yang mendorong kejayaan beliau itu, dengan tegas Fazlin menjawab:

"Saya berpegang kepada nasihat Perdana Menteri yang mahu melihat rakyat Malaysia menjadi manusia antarabangsa dan pemimpin dalam bidang ilmu dan sains,".

Fazlin Azimin bercita-cita menjadi peguam terkemuka bertaraf dunia kerana dia tertarik dengan kehebatan peguam mengemukakan hujah untuk memenangi sesuatu kes.

"Tambahan pula Bahasa Inggeris adalah mata pelajaran yang paling saya minati dan saya sering mendapat markah tertinggi setiap kali ujian bertulis dan bertutur," katanya dalam bahasa Inggeris loghat London.

(END)